



MINAT mendalam mendorong wanita ini melakukan yang terbaik.

MERENCANA IDEA KREATIF

Khidmat arkitek landskap profesional meliputi penyediaan dan kepakaran

AGENDA LAA 2050

Hartini Mohd Nawi
hartini@hmetro.com.my

Bidang seni bina landskap menggabungkan sains dan seni dalam reka bentuk, perancangan atau pengurusan sesuatu kawasan, pengaturan struktur buatan manusia atau semula jadi.

Ia melalui aplikasi pengetahuan dan kemahiran berkaitan budaya, kaedah saintifik dalam ekologi serta kajian perlakuan.

Di situ peranan arkitek landskap dilihat penting dalam mengenal pasti, menganalisis dan menyelesaikan masalah melalui teknik reka bentuk berdasarkan pengetahuan berkenaan fungsi, karakter estetik sesuatu bahan dan pengorganisasian elemen luaran, persekitaran dan aktiviti setempat.

Jelas, perkhidmatan profesional yang ditawarkan arkitek landskap meliputi penyediaan dan penawaran khidmat nasihat serta kepakaran diperlukan.

Perubahan pelbagai teknologi dan inovasi terkini pula dianggap menyumbang kepada reka bentuk landskap yang lebih bermanfaat kepada komuniti.

Ia selari dengan visi Agenda Seni bina Landskap 2050 atau

Landscape Architecture Agenda (LAA 2050) yang dilancarkan Institut Arkitek Landskap Malaysia (ILAM), baru-baru ini.

Lantas, peluang menemui bual arkitek landskap, Siti Maisarah Salahudin, 35, menyingkap seribu satu cerita berkenaan dunia landskap dari kaca mata beliau sendiri.

Minat yang mendalam juga mendorong beliau menggunakan segala peluang untuk menampilkan idea terbaik sebagai arkitek landskap profesional.

“Setiap projek pembinaan tidak sempurna tanpa dilengkapinya seni bina landskap yang bersesuaian dengan persekitaran itu sendiri.

“Malah, setiap rekaan juga perlu menitikberatkan elemen dan faktor lain yang wujud di sekeliling dalam menghasilkan sesebuah ruang landskap kondusif kepada komuniti.

“Bermakna seni bina landskap tidak hanya menanam pokok semata-mata kerana ia lebih daripada itu,” kata pemegang Ijazah Sarjana Muda Senibina Landskap Universiti Putra Malaysia (UPM) itu.

Pada masa sama Siti Maisarah tidak menafikan seni bina



LATAR kehijauan diilhamkan pada ruang balkoni Walrus Design.



REKA bentuk pejabat Walrus Design yang praktikal.



SITI Maisarah selesa bekerja dalam persekitaran hijau.

INFO

Arkitek landskap berdaftar mampu menawarkan perundingan berkenaan Perkhidmatan Kesenibinaan Landskap seperti berikut:

- Menyediakan pelan dan laporan perancangan landskap termasuk pelan induk landskap.
- Menyediakan pelan dan laporan reka bentuk landskap termasuk susun atur landskap, kontor tanah dan lukisan pembinaan landskap.
- Menjalankan penilaian dan kajian landskap termasuk penilaian visual, penilaian dan pentaksiran pokok serta penilaian karakter landskap.
- Menyediakan pelan pengurusan dan penyelenggaraan landskap.
- Menyediakan laporan dan pelan bagi pemeliharaan, pemuliharaan serta pemuliharaan landskap.
- Memberikan apa-apa perkhidmatan lain yang berkaitan dengan kesenibinaan landskap.

landskap adalah bidang yang dinamik membabitkan pelbagai pihak.

Selain merangkumi pelbagai skop kerja landskap termasuk berfungsi sebagai penyelesaian kepada

ANTARA ilham seni bina landskap Siti Maisarah sempena FLORIA Putrajaya.



PERBINCANGAN penting untuk penghasilan idea menepati persekitaran.

masalah persekitaran.

Malah, beliau melihat LAA2050 sebagai usaha menjadikan landskap sebagai asas kepada kesejahteraan masyarakat dan inspirasi kehidupan-melalui teknologi yang inovatif serta nilai kelestarian.

“Konsep kehidupan lestari turut diaplikasikan pemaaju hartanah di negara ini.

“Selain menjadikan landskap lestari sebahagian daripada misi pembangunan mereka. Di sini juga letaknya cabaran buat setiap arkitek landskap yang seharusnya bijak dalam merencanakan idea mengikut kesesuaian persekitaran,” katanya yang juga ahli majlis ILAM 2016-2018.

Siti Maisarah yang kini bergelar ‘associate’ di firma perunding landskap, Walrus Design Sdn Bhd mengakui reka bentuk landskap perlu sesuai dengan konsep rekaan bangunan.

Di samping mengambil kira elemen kelestarian persekitaran dalam pada masa sama mewujudkan ekosistem yang lebih stabil.

Lebih membanggakan, Siti Maisarah dinobatkan sebagai penerima Anugerah Arkitek Landskap Muda ILAM 2017.